

02/01/2025

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Pemberitahuan Awam: MSPO Pernilaian Semula Persijilan Untuk Kilang Kelapa Sawit East (SOU 8),
SD Guthrie Berhad, Carey Island, Selangor, Malaysia**

SD Guthrie Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan MSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit East (SOU 8) di bawah Syarikat Induk SD Guthrie Berhad. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit					
Nama		Kilang Kelapa Sawit East (SOU 8)			
Kapasiti Kilang (ton/jam)		30 MT/jam			
Alamat/Lokasi		42960 Carey Island, Selangor, Malaysia			
Rujukan GPS	Latitude/Garis lintang		002° 53' 01.49" N		
	Longitude/Garis Bujur		101° 26' 10.50" E		

Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/ Garis lintang	Longitude/ Garis bujur		
Ladang East MPOB Lesen No.: 531308002000	East Estate, 42960 Carey Island, Selangor, Malaysia	002° 54' 2.45" N	101° 23' 50.97" E	4,963.88	5,757.67
Ladang Dusun Durian MPOB Lesen No.: 528976002000	Dusun Durian Estate, 42700 Banting, Selangor, Malaysia	002° 48' 02.30" N	101° 27' 43.00" E	1,861.44	1,938.90
Ladang Sepang MPOB Lesen No.: 533267002000	Sepang Estate, 43900 Sepang, Selangor, Malaysia	002° 42' 12.80" N	101° 44' 36.51" E	2,689.13	3,158.40
Jumlah Luas Ladang				9,514.45	10,854.97

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan Pernilaian Semula Persijilan bagi Kilang Kelapa Sawit East (SOU 8) pada 04/02 - 06/02 & 14/03/2025. Pelaksanaan persijilan ini akan diadakan mengikut standard:

- Part 4-1 Palm Oil Mill Including Supply Chain Requirements
- Part 3-2 Oil Palm Plantation (more than 500Ha)
- MSPO Standards Series

Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2022 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan Pernilaian Semula Persijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Nor Halis bin Abu Zar	Ketua Juruaudit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit, aspek sosial dan kebijakan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak dan polisi	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Sarjana Muda Sains, Teknologi Perladangan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA. - Mempunyai pengalaman pelaksanaan kelestarian selama lebih 6 tahun, termasuk kebajikan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di kawasan penampang dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan. - Merupakan Ketua Juruaudit bagi MSPO dan telah mengumpul lebih daripada 300 hari audit sepanjang kerjayanya sebagai juruaudit untuk pelbagai disiplin meliputi Malaysia. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit IMS ISO 9001 & ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS, ISO 45001, MSPO, MSPO SCCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Ahzahar Amir	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Bio-industri (Kepujian) dari Universiti Putra Malaysia dan Diploma Pengurusan Industri Tanaman dari Institut Teknologi MARA. - Beliau memulakan kerjayanya dalam industri kelapa sawit sebagai Pengurus Pelatih di FELCRA Berhad pada tahun 1983

		<p>dan meneruskan kerjayanya dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) selama 22 tahun sebelum menyertai Tradewinds Plantation Berhad selama 10 tahun sebagai Pengurus Ladang sebelum bersara pada tahun 2016. Secara keseluruhannya beliau mempunyai lebih daripada 32 pengalaman selama bertahun-tahun dalam industri kelapa sawit. Telah mempunyai pensijilan MSPO sejak tahun 2017 sebagai Juruaudit bebas/Lead Auditor dengan pelbagai badan pensijilan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berjaya memperolehi kompetensi kursus Juruaudit Utama untuk MSPO 2530:2013, Dokumen Skim Persijilan MSPO - MS 2530:2022, IRCA ISO 9001:2015, Exemplar Global Certified Integrated Management System (IMS) (ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001), dan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS).
Sahudin bin Sapiin	<p>Ahli Pasukan</p> <p>Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Diploma Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia. - Lebih 35 tahun pengalaman bekerja di Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Latihan Juruaudit Utama IMS (ISO 14001 & ISO 45001), Latihan Juruaudit Utama MS 2530:2022, SA8000, Kursus Latihan Juruaudit Utama IMS (ISO 9001& ISO 14001), dan Kursus Juruaudit Utama MSPO.
Zulkifli bin Kamarol Zaman	<p>Ahli Pasukan</p> <p>Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, rantaian bekalan untuk kilang sawit, aspek social dan kebijakan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan Tani dari Universiti Putra Malaysia. - Mempunyai 10 tahun pengalaman dalam industri kelapa sawit bekerja sebagai Penolong Pengurus sebelum menyertai Badan Pensijilan sebagai Juruaudit. - Terlibat dalam operasi harian ladang serta amalan pengurusan terbaik untuk penanaman kelapa sawit. - Berjaya menamatkan Kursus IMS (ISO 9001, ISO 14001 dan ISO 45001), Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, HCV-HCS Training dan SA8000.



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:

Alamat:

Emel:

Nombor Telefon:

Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah

Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan

En. Azrul Wan Azizan

BSI Services Malaysia Sdn Bhd

Level 29, The Gardens North Tower

Mid Valley City Lingkaran Syed Putra

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

DAN / Auditee:

Pn. Shylaja Devi Vasudevan Nair

Level 11, Main Block, SD Guthrie Tower

No. 2, Jalan PJU 1A/7, Ara Damansara

47301 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel : +60 3 7484 4000



Tel : +60 3 2081 3311

Faks : -

Emel: Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

Faks : -

Emel : shylaja.vasudevan@sdguthrie.com

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Azrul Wan Azizan".

Azrul Wan Azizan
Pengarah
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan